

Pindaan: Pemuda rela berkorban



HAJI ZAIN

PETALING JAYA, Jumaat — Pemuda Umno hari ini diminta supaya berani berkorban demi menegakkan kepentingan bangsa dan negara.

"Kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sanggup mengorbankan diri demi bangsa dan negara, mengapa kita tidak sanggup berkorban kerana menjaga maruah kita," tegas wakil Pemuda Umno Negeri Sembilan, Haji Zain Haji Ibrahim, yang memulakan perbahasan mengenai pindaan perlembagaan.

Bellau mengingatkan, bahawa sekiranya pindaan itu tidak dapat dilaksanakan, yang malu dan rugi ialah rakyat kerana rakyat yang memberi mandat kepada pemimpin.

"Sangpuhkah Perdana Menteri kita dipermalukan?" Tanyanya sambil disambut oleh perwakilannya. "Tidak! Tidak!"

"Saya sanggup mengorbankan diri saya," ujarnya.

disambut tepukan gemuruh.

"Saya haramkan diri saya digelar sebagai pencut, pemuda dayus. Sekali melangkah pantang berundur," tambahnya.

Berucap di Perhimpunan Agung Khas Pemuda Umno di sini, Haji Zain menegaskan, jika pejuang-pejuang Umno di tahun 1946 tidak sanggup berkorban, tidak wujud keadaan yang ada sekarang.

"Sebagai seorang Islam, berbangsa Melayu dan warganegara yang cintakan keamanan dan kedamaian, kita patut patuh kepada undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat."

Tetapi, bellau mengingatkan, setiap yang dilakukan itu tidak seharusnya dipengaruhi oleh emosi.

"Biar darah membara tetapi kepala mesti dingin." Bellau menfatikatkan apa yang berlaku sekarang ialah satu ujian keimanan.

Wakil Pemuda Umno Terengganu, Encik Ismail

Said, yang menyokong usul itu berkata, orang yang menjadi petualang membaratkan isu perlembagaan itu ialah Ketua Pembangkang yang menanggung di air keruh.

"Kita akan tentang habis-habisan mereka yang cuba mempolitikalkan perlembagaan yang menyangkut di air keruh."

Bellau menfatikatkan golongan itu sebagai pengkhianat yang mengancam agama dan bangsa.

Katanya, petualang yang di ambang pintu itu sedang memasangkan perangkapnya tetapi Pemuda Umno tidak akan membenarkan pengkhianat itu mengancam.

"Selagi kejayaan tidak tercapai, pantang berundur sebelum kalah."

Pemerhati buat kecoh

PETALING JAYA, Jumaat — Peserta-peserta Perhimpunan Agung Khas Pergerakan Pemuda Umno di sini hari ini terperanjat dan hairan apabila seorang lelaki tiba-tiba berdiri dan menjerit menyatakan bellau tidak menyokong pindaan perlembagaan.

Lelaki itu dikenali sebagai Zainal Abidin Ahmad dari Raub, bangun menyatakan bangkangannya setelah Pengerusi Tetap Pemuda Umno, Datuk Abd Rahman, menanggukkan perhimpunan itu.

Lelaki itu kemudiannya dibawa keluar oleh seorang perwakilannya apabila para hadirin marah atas tindakannya itu.

Ketua Pemuda Umno Pahang,

Enik Mazlan Idris, berkata lelaki itu bukan perwakilannya dari Raub.

Lelaki itu dikatakan mengambil tempat seorang wakil dari Raub yang tidak dapat hadir, dan dia diberikan taraf pemerhati saja.

Sebagai pemerhati, menurut Enik Mazlan, bellau tidak layak mengemukakan pendapat dan segala cadangannya tidak boleh dikirakan sebagai satu undi.

Berita Harian difahamkan, lelaki itu adalah seorang peguam dan bekas seorang sosialis yang kuat sebelum memasuki Umno.

Sementara itu, Ketua Perhimpunan Pemuda Umno Pahang, Datuk Mohd Najib Razak berkata, pihaknya tidak mengiktiraf undi Enik

Zainal Abidin kerana ia bukan seorang perwakilannya.

Menurutnya, lelaki itu adalah seorang pemerhati yang mengambil tempat seorang wakil Raub yang tidak dapat hadir.

Katanya, pihaknya akan menyiasat kejadian itu dan mengambil tindakan yang perlu sekiranya lelaki itu benar-benar melanggar peraturan.

Datuk Najib juga menafikan dakwaan sebuah majalah asing yang menyatakan bellau tidak mempunyai pendirian mengenai pindaan perlembagaan.

Menurutnya, selagi bellau dalam Pemuda Umno, bellau akan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan parti.